



25 MAY, 2024

Rombak JKDM besar-besaran

Sinar Harian, Malaysia



Page 1 of 3

ROMBAK KASTAM BESAR-BESARAN

SUSULAN penahanan 34 anggota dan pegawai kastam kerana disyaki bersekongkol dengan sindiket penyeludupan di kargo KLIA sejak lapan tahun lalu sehingga negara kerugian hasil cukai sebanyak RM2 bilion, terdapat gesaan supaya kerajaan melakukan rombakan besar-besaran terhadap Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

4





25 MAY, 2024

Rombak JKDM besar-besaran

Sinar Harian, Malaysia



Page 2 of 3

Rombak JKDM besar-besaran

Syor pihak
pengurusan
tertinggi kastam
dilantik daripada
organisasi luar

Oleh **NURATIKAH
ATHILYA HASSAN
SHAH ALAM**



Laporan muka depan
Sinar Harian pada Jumaat.

Kerajaan digesa untuk melakukan rombakan besar-besaran terhadap Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) susulan kes penyelewengan yang bersarang dalam agensi tersebut berada di tahap membimbangkan.

Setiausaha Majlis Ekonomi Halal (MEH), Dr Helmi Ibrahim berkata, antara tindakan yang boleh dilakukan adalah pihak pengurusan tertinggi agensi tersebut perlu dilantik daripada organisasi luar.

"Inilah satu-satunya cara untuk memutuskan rantaian hubungan 'intim' salah laku kuasa antara pihak atasan dengan pihak bawahan.

"Kebiasaannya salah laku dengan skala yang sebesar ini hanya akan berlaku jika ada kerjasama antara pihak bawahan dengan atasan," katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurut Helmi, pembongkaran yang dilakukan itu sangat mengejutkan kerana ia dipercayai beroperasi hampir tujuh tahun lalu melibatkan RM4.7 juta.

"Apa yang mengejutkan juga adalah pembongkaran kedua sindiket rasuah selepas pendedahan 29 Mac lalu yang ber-



nilai RM2 bilion turut melibatkan anggota kastam.

"Lebih mendukacitakan, kelemahan pihak pengurusan tertinggi agensi berkenaan dalam membendung amalan rasuah sedangkan salah laku ini telah berlaku sejak sekian lama. Tindakan tegas dan menyeluruh perlu dilakukan segera," ujarnya.

Sebelum ini media melaporkan, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia mengesan sindiket yang dilumpuhkan dalam Ops Samba baru-baru ini menggunakan modus operandi *forwarding agent* yang bertindak sebagai orang tengah bagi membayar rasuah kepada penguat kuasa.



HELMI

Menurut sumber, pegawai kastam yang bertugas dalam pemeriksaan kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur diberi sogokan sebagai balasan melicinkan proses penyeludupan tanpa melalui pengisytiharan serta pemeriksaan yang sepatutnya.

Dakwa sumber itu lagi, sindiket tersebut dipercayai melakukan perbuatan penyeludupan dan merasuah pegawai agensi penguat kuasa itu sejak 2017 hingga 2024.



25 MAY, 2024

Rombak JKDM besar-besaran

Sinar Harian, Malaysia



Page 3 of 3

SUMMARIES

ROMBAK KASTAM BESAR-BESARAN SUSULAN penahanan 34 anggota dan pegawai kastam kerana disyaki bersekongkol dengan sindiket penyeludupan di kargo KLIA sejak lapan tahun lalu sehingga negara kerugian hasil cukai sebanyak RM2 bilion, terdapat gesaan supaya kerajaan melakukan rombakan besar-besaran terhadap Jabatan Kastam Diraja Malaysia. 4

Syor pihak pengurusan tertinggi kastam dilantik daripada organisasi luar

Laporan muka depan Sinar Harian pada Jumaat.